

BAB 4

ANALISIS TERHADAP

PENGGUGURAN TERAPEUTIK BERDASARKAN HUKUM

PENGGUGURAN KANDUNGAN DALAM ISLAM

4.1 Pendahuluan

Bahagian ini akan menfokuskan kepada hukum melakukan pengguguran terapeutik berdasarkan hukum pengguguran kandungan dalam Islam. Perbincangan juga akan mengaitkan konsep pembunuhan dengan hak yang telah dibincangkan dalam Bab 2 sama ada pengguguran terapeutik boleh diklasifikasikan sebagai pembunuhan dengan hak yang diharuskan dalam Islam.

4.2 Pendapat Para Fuqaha vs. Pengguguran Terapeutik

Dari perbincangan dalam Bab 1, menampakkan bahawa kebanyakan fuqaha mempunyai sentimen yang kuat dengan hadith yang menyebutkan tentang bilakah roh ditiupkan ke dalam janin serta persoalan-persoalan yang mempunyai kaitan dengannya seperti peringkat-peringkat pembentukan janin dari awal sehingga sempurna.

Oleh itu, kebanyakan justifikasi yang telah dibuat oleh para fuqaha ini lebih menjuruskan kepada suatu hukum yang lebih kurang sama, iaitu mengharamkan pengguguran selepas roh ditiupkan ke dalam janin dan mengharuskannya sebelum

roh ditupukan ke dalam janin apabila pengguguran adalah suatu penyelesaian demi menyelamatkan nyawa ibu.

Peringkat-peringkat pembentukan janin sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini di dalam Bab 1 iaitu yang dikenali sebagai *al-nutfah*, *al-'alaqah*, *al-mudghah* dan seterusnya janin yang mempunyai sifat-sifat sebagaimana manusia biasa akan dibincangkan bagi melihat relevannya bagi menjustifikasikan adakah pengguguran yang dilakukan boleh diklasifikasikan sebagai pembunuhan dengan hak atau tidak.¹

Sewaktu janin berada pada peringkat usia empat puluh hari pertama pembentukannya, iaitu peringkat yang dikenali sebagai *al-nutfah*, kebanyakan fuqaha mazhab Hanafi, Syafi'i, Hanbali dan al-Lakhmi dari kalangan fuqaha mazhab Maliki mengharuskan tindakan menggugurkannya dengan mengemukakan justifikasi masing-masing sebagaimana yang telah dibincangkan.

Kebanyakan fuqaha mazhab Maliki, sebahagian fuqaha mazhab Hanafi, al-Ghazzāli dari kalangan fuqaha mazhab Syafi'i dan Ibn al-Jauziy dari kalangan fuqaha mazhab Hanbali pula mengharamkan pengguguran janin yang berada pada peringkat *al-nutfah* ini.

Pada peringkat empat puluh hari yang kedua, iaitu peringkat yang dikenali sebagai *al-'alaqah*, kebanyakan fuqaha mazhab Hanafi, Syafi'i dan Ibn 'Uqail dari kalangan fuqaha mazhab Hanbali mengharuskan tindakan menggugurkannya. Sementara semua fuqaha mazhab Maliki, sebahagian fuqaha mazhab Hanafi,

sebahagian besar fuqaha mazhab Hanbali dan al-Ghazzālī dari kalangan fuqaha mazhab Syafi'i pula mengharamkannya.

Pada peringkat empat puluh hari yang ketiga pula, iaitu peringkat yang dikenali sebagai *al-mudghah*, sebahagian besar fuqaha mazhab Ḥanafī, majoriti fuqaha mazhab Syafi'i dan Ibn 'Uqail dari mazhab Ḥanbali mengharuskan tindakan menggugurkannya.

Semua fuqaha mazhab Maliki, sebahagian besar fuqaha mazhab Hanbali, sebahagian dari fuqaha mazhab Ḥanafī dan al-Ghazzālī dari mazhab Syafi'i menghukumkan pengguguran *al-mudghah* sebagai haram kerana roh telah diambil pada janin tersebut.

Bagi pengguguran yang dilakukan terhadap janin yang belum cukup tempoh empat bulan pertama dari usia kehamilan, maka para fuqaha sepakat mengatakan bahawa tindakan sebegini mempunyai hukum yang berbeza melihat kepada hakikat dan hukum Syarak itu sendiri. Ada yang melihatnya sebagai suatu bentuk tindakan merosakkan makhluk yang berpotensi untuk menjadi manusia dan ada yang menghukumkannya sebagai haram.

Begitu juga pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Ḥazm berhubung persoalan yang dibangkitkan ini. Menurut beliau, perbuatan menggugurkan kandungan yang belum cukup tempoh empat bulan dari usia kehamilan tidak boleh dianggap sebagai tindakan mencabut nyawa manusia hidup, juga bukan suatu bentuk perpindahan dari hidup ke mati.

Perkara yang sama juga telah diungkapkan oleh al-Syawkāni yang memetik pendapat yang dikemukakan oleh Imam al-Syāfi'i sendiri yang berpendapat bahawa janin yang berusia empat bulan yang gugur wajib dimandikan kerana pada usianya empat puluh hari keempat, janin tersebut telah dicatatkan rezeki dan ajalnya, juga kerana pada ketika itu janin tersebut telah mempunyai nyawa.²

Melihat kepada justifikasi yang telah dibuat oleh para fuqaha berkenaan hukum pengguguran sama ada harus atau haram, maka jelaslah kepada kita bahawa terdapat dua golongan yang besar, iaitu:

- (a) Golongan yang agak liberal dalam menentukan hukum terhadap tindakan menggugurkan kandungan, iaitu golongan yang mengharuskan tindakan pengguguran sebelum ditiupkan roh dan mengharamkannya selepas roh ditiupkan pada janin; dan
- (b) Golongan yang lebih tegas dalam menentukan hukum terhadap tindakan pengguguran, iaitu golongan yang mengharamkan tindakan pengguguran secara total sama ada sebelum atau selepas roh ditiupkan roh pada janin.

Walaupun pendapat golongan kedua dilihat sebagai pendapat yang lebih tegas dalam menentukan hukum terhadap pengguguran, tetapi penilaian haram disisi mereka dalam kes-kes pengguguran yang dilakukan terhadap janin adalah berbeza-beza. Mereka berpendapat, sekiranya sesuatu pengguguran dilakukan terhadap janin yang berusia lebih dari empat bulan sebagai suatu tindakan jenayah

kerana tindakan sebegitu diklasifikasikan sebagai tindakan membunuh manusia, sementara bagi tindakan menggugurkan janin sebelum cukup tempoh empat bulan, maka tindakan tersebut diklasifikasikan sebagai suatu tindakan merosakkan suatu makhluk yang berpotensi untuk ditiupkan roh padanya yang apabila ditiupkan roh, maka janin tersebut dianggap sebagai manusia.

Wujudnya persepakatan di kalangan fuqaha tentang wujudnya titik pemisah di antara para fuqaha tentang umur janin yang ditiupkan roh dengan janin yang belum ditiupkan roh adalah kerana kesemua mereka menyandarkan hujah masing-masing kepada suatu hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ūd r.a. yang telah dinyatakan sebelum ini.

Dapat juga ditegaskan di sini bahawa fuqaha yang melihat janin yang belum cukup tempoh empat bulan sebagai bukan manusia kerana ia adalah suatu makhluk yang tidak mempunyai roh³, sekalipun terdapat unsur-unsur kehidupan pada janin tersebut yang membolehkannya mempunyai kuasa untuk mempunyai bentuk dan mencipta dengan izin Allah s.w.t. yang sehingga cukup empat bulan lalu Allah s.w.t. mengurniakan padanya kebolehan manusia dengan meniupkan roh padanya.⁴

Pendek kata, justifikasi yang dikemukakan oleh mereka adalah dengan alasan janin pada peringkat ini tidak boleh dianggap sebagai manusia. Ini kerana ia tidak memiliki sifat-sifat fizikal yang boleh menyebabkan janin tersebut dianggap sebagai manusia. Hal ini juga telah dibuktikan oleh ahli kaji embrio manusia, di mana janin yang belum cukup usia 120 hari, maka kebanyakan

anggota badannya masih belum lengkap sebagai manusia biasa. Peringkat 120 hari pertama ini dikenali sebagai trimester pertama kehamilan.

Sehubungan itu, sekiranya menggugurkan janin yang belum mencecah usia empat bulan atau 120 hari menurut pendapat *embryologist* tidak diklasifikasikan sebagai membunuh manusia menurut pendapat yang disepakati oleh para fuqaha. Pengharusan melakukan pengguguran pada peringkat ini yang dilakukan dengan alasan yang munasabah pasti tidak akan menimbulkan sebarang pertentangan pendapat di kalangan fuqaha. Nampaknya di sini, tidak berlaku pertentangan hujah di antara hujah fuqaha dengan *embryologist* tersebut.

Rumusan yang dapat dibuat ialah ialah keharusan melakukan pengguguran adalah jelas sebagaimana pendapat yang telah dikemukakan oleh para fuqaha dalam Bab 1 kajian ini. Sementara bagi pendapat fuqaha yang mengharamkannya pula, mereka tidak bermaksud untuk mengharamkannya secara mutlak. Khasnya jika dilakukan dengan alasan yang munasabah. Ini dapat disandarkan kepada kaedah fiqh itu sendiri.

Antara kaedah fiqh yang boleh diterima pakai ialah seperti melakukan kemudaratan yang lebih kecil adalah lebih utama dari melakukan kemudaratan yang lebih besar apabila wujudnya pertentangan di antara dua kemudaratan.

Selain itu, janin adalah merupakan *furu'* sementara ibu yang mengandungkannya pula adalah *as'l*, maka tidak wajar untuk dikorbankan *as'l* demi memelihara nyawa *furu'*. Ini adalah bagi situasi di mana wujudnya

pertentangan di antara dua kemudarat. Dalam kes ini, membiarkan janin hidup bermaksud akan mengorbankan nyawa ibu. Sementara untuk mengekalkan nyawa ibu pula hendaklah mengorbankan nyawa janin. Sehubungan itu, perlulah ada suatu pertimbangan khusus apabila wujudnya dua kemudarat yang besar sebegini.

Asas-asas keharusan sesuatu tindakan yang pada asalnya diharamkan juga sebenarnya mempunyai kekuatan hujah yang tersendiri. Ini dapat dilihat dari pemakaian prinsip *al-darūrah* dalam mengharuskan sesuatu yang diharamkan sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab 1. Huraian panjang lebar yang telah dikemukakan oleh Wahbah al-Zuhaily berhubung persoalan *al-darūrah* ini dapat menjelaskan lagi perkara yang dibangkitkan ini.⁵

Justifikasi yang telah dikemukakan oleh para fuqaha mazhab Mālikī sendiri yang begitu tegas dalam persoalan menggugurkan kandungan yang mana didapati ada di kalangan fuqaha mazhab Mālikī ini yang melihat keperluan untuk menyempitkan hukum pengharamannya sebagaimana yang dipegang oleh mereka sendiri.

Mereka berpendapat bahawawa sekiranya kehamilan yang berlaku adalah hasil perbuatan zina, maka tindakan menggugurkan kandungan tidak diharamkan, lebih-lebih lagi dalam kes apabila seseorang wanita hamil yang khuatir berlaku sesuatu ke atas dirinya apabila mendapati bahawa dia telah hamil.⁶ Pendapat yang dikemukakan oleh mereka menyamai justifikasi yang telah diberikan oleh para

fuqaha kontemporari yang mengharuskan tindakan menggugurkan kandungan sekiranya ia memudaratkan mental seseorang ibu yang mengandungkannya.⁷

Melihatkan pendapat fuqaha yang mengharuskan tindakan pengguguran kerana alasan-alasan tertentu, seperti khuatirkan anak yang menyusu akibat terputusnya susu ibu yang selama ini menjadi makanannya apabila seseorang perempuan itu mengandung dan kesukaran untuk mendapatkan ganti terhadap susu yang terputus itu⁸, perkara itu adalah sesuai dengan tahap pengetahuan mereka dalam ilmu kedoktoran dan kesihatan yang wujud pada ketika itu.

Pada era tersebut, ilmu dalam bidang yang dikenali masa kini sebagai Obstetriks dan Ginekologi (O & G atau perbidanan dan sakit puan) yang membolehkan mereka mengetahui pelbagai implikasi buruk dan risiko berbahaya yang boleh menimpa janin atau ibunya sekiranya janin tersebut kekal di dalam perut ibunya sehingga ia melahirkan janin tersebut.⁹

Pada zaman moden ini, di mana ilmu kedoktoran berkembang pesat dan terdapat alat-alat canggih yang boleh mengesan kewujudan bahaya yang boleh mengancam nyawa ibu atau janin yang dikandungnya,¹⁰ maka para doktor di bidang O & G ini boleh menentukan tahap risiko yang akan dialami oleh ibu-ibu yang mengandung sekiranya beliau meneruskan kehamilannya.

Tahap-tahap risiko ini dapat dirujuk kepada Jadual 1 yang terdapat dalam Bab 2 kajian ini. Sehubungan itu, kita dapat melihat adanya di kalangan fuqaha yang turut mengambil kira risiko-risiko¹¹ sebegini dalam membuat justifikasi

yang sesuai bagi sesuatu tindakan menggugurkan kandungan yang dikenali pada zaman ini sebagai pengguguran terapeutik.

Persoalan menggugurkan janin yang dikandung oleh seseorang ibu yang menghidap Aids atau janin itu sendiri menghidap Aids, suatu keputusan telah diambil di dalam suatu persidangan fiqh (*Majma' al-Fiqh al-Islāmiy*), iaitu mereka telah memutuskan bahawa harus untuk dilakukan pengguguran kepada janin bagi kes ibu atau janin itu sendiri yang menghidap Aids.¹²

Ini selaras dengan pendapat ahli Obstetrik dan Ginekologi yang boleh mencadangkan kepada ibu yang menghidap Aids atau didapati janin yang dikandungnya itu sendiri menghidap Aids atau mempunyai HIV atau mana-mana penyakit berbahaya yang jika dibiarkan boleh menyebabkan gangguan mental seseorang perempuan yang mengandungkannya.

4.3 Kesimpulan

Melihat kepada pendapat-pendapat yang telah diutarakan oleh para fuqaha, mereka sepakat mengatakan bahawa tindakan membunuh adalah haram. Balasan yang akan diterima oleh pembunuhan di dunia ialah sama ada dikenakan hukuman *qiṣāṣ*, *kaffārah*, atau diyat atau ta'zir dengan melihat kepada tahap atau bentuk jenayah pembunuhan yang telah dilakukannya.

Selain itu, para fuqaha juga telah menyenaraikan beberapa tindakan membunuh yang diklasifikasikan sebagai suatu yang harus. Dalam istilah syarak, pembunuhan yang diharuskan ini dikenali sebagai pembunuhan dengan hak.

Merujuk kepada persoalan menggugurkan kandungan, memang pada asalnya tindakan sebegini adalah dianggap sebagai tindakan jenayah. Cuma mereka tidak sependapat dalam menjustifikasi sama ada berat atau tidaknya dosa mereka yang melakukan pengguguran terhadap janin.

Mereka berpendapat, sekiranya ia dilakukan sebelum janin mempunyai roh, iaitu sebelum usia janin mencecah usia empat puluh dua malam sebagaimana yang telah diriwayatkan dari baginda Rasulullah s.a.w. yang terdapat dalam Bab 1 kajian ini, maka pengguguran tersebut adalah sesuatu yang haram. Yang berbeza adalah dilihat dari perspektif mereka tentang berat atau tidaknya dosa pengharamannya jika dilakukan selepas tempoh ini.

Para fuqaha juga mengklasifikasikan tindakan menggugurkan kandungan sebagai suatu yang diharuskan oleh syarak. Kehadiran janin di dalam kandungan ibunya, jika mendatangkan kemudaratian kepada ibunya, maka ia boleh digugurkan. Pengguguran jenis ini dikenali sebagai pengguguran terapeutik. Selain alasan memudaratkan nyawa ibu, pengguguran terapeutik boleh juga dilakukan sekiranya didapati kehadiran janin tersebut boleh memudaratkan kesihatan mental kepada ibunya.

Bagaimanapun, para fuqaha sekali-kali tidak bersetuju dengan justifikasi selain dari untuk menyelamatkan nyawa ibu dan yang mengancam kesihatan mental seseorang ibu. Sehubungan itu, tindakan menggugurkan kandungan kerana alasan yang bersifat ekonomi seperti menggugurkan kandungan kerana kemiskinan, kerana melakukan zina, dan seumparnanya.

Seperti yang diungkapkan oleh Yūsuf al-Qarađāwi, pengguguran kandungan yang terjadi akibat seseorang perempuan itu dirogol adalah suatu yang diharuskan. Ini kerana, kehadiran kandungan tersebut memudaratkan mentalnya disebabkan jenayah rogol yang telah berlaku ke atasnya.¹³

Jadi, penetapan hukum sebagai harusnya melakukan pengguguran tidak diberikan kecuali dalam kes kehadiran janin yang mengancam nyawa ibunya serta yang boleh memudaratkan kesihatan mentalnya. Ini bolehlah didasarkan kepada jaminan Islam sendiri untuk memelihara apa yang dikenali sebagai *al-maqāṣid al-khamsah* yang terdiri dari pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

Kombinasi aspek pemeliharaan nyawa dan akal boleh dijadikan alasan di dalam melakukan sesuatu pengguguran kerana, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh sesetengah fuqaha, bahawa ibu adalah merupakan asas kepada keluarga manakala janin adalah cabangnya.

Namun, adalah wajar diberi peringatan bahawa sekalipun terdapat pengharusan dalam pengguguran kerana alasan yang telah dinyatakan di atas,

tindakan untuk menggugurkan kandungan hendaklah diputuskan dalam keadaan suci hati oleh sekurang-kurangnya dua orang doktor pakar di bidang obstetrik dan ginekologi yang telah mempunyai pengalaman yang begitu lama dan telah teruji tahap kepakarannya.

Ini adalah perlu bagi mengelakkan pengguguran dijadikan alat untuk melakukan sesuatu yang diharamkan oleh syarak, umpamanya sebagai jalan menggugurkan kandungan yang terhasil dari penzinaan, pelacuran, kerana takut malu, kerana pilih jantina dan yang seumpama dengannya yang semuanya tersasar dari matlamat syariat itu sendiri.

NOTA HUJUNG

- 1 Dr. Muḥammad Na'im Yāsin (2000), *Abḥāth Fīqhīyyah FT Qadāyā Tibbīyyah Mu'āṣarah*, Cet. 3, Ammān: Dār al-Nafā'iis, ms. 208 - 210
- 2 Muḥammad bin 'Alīy al-Syawkāniy (1973), *Nayl al-Awtār Syarḥ Muntaqā al-Akhbār*, Beirut: Dār al-Jil, J 4, ms. 83
- 3 *Mujarrad 'an al-rūh*
- 4 Dr. Muḥammad Na'im Yāsin, *Op. Cit.*, ms. 209
- 5 Rujuk buku *Nazariyyah al-Darūrah al-Syar'iyyah* yang ditulis oleh Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaily, yang diterbitkan oleh Dār al-Fikr, Damsyik, pada tahun 1997
- 6 Muḥammad Aḥmad 'Alisy (1958), *Fatḥ al-'Alīy al-Malīk*, Mesir: Syirkah Maktabah Wa Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī Wa Aulādīh, J 1, ms. 399
- 7 Rujuk Bab 3 kajian ini
- 8 Dr. Muḥammad Na'im Yāsin, *Ibid.*
- 9 *Ibid.*
- 10 Seperti melakukan ujian *amniocentesis*, *chorionic villi* dan *ultrasound* atau *ultrasonography*
- 11 *A'dhār*
- 12 Rujuk untuk huraian lanjut berkenaan persoalan Aids dan pengguguran janin ini di dalam: Munazzamah al-Mu'tamar al-Islāmi – Majma' al-Fiqh al-Islāmi (1996), *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmi*, Tripoli: Jam'iyyah al-Da'wah al-Islāmiyyah al-'Ālamiyah, Bil. Ke-9, J 4, ms. 560 hingga 565
- 13 Rujuk pendapat dan justifikasi yang telah diberikan oleh beliau di akhir perbahasan Bab 3 kajian ini

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Untuk mengklasifikasikan kes-kes pengguguran kandungan sebagai sebahagian dari pembunuhan dengan hak memerlukan suatu pengamatan yang teliti terhadap pendapat yang dikemukakan oleh para ilmuan dalam pelbagai bidang seperti fiqh, ilmu tafsir, ilmu hadith dan ilmu-ilmu yang bersumber dan bersandarkan kepada pentafsiran terhadap nas-nas berkaitan dengannya di dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Bagaimanapun, ketepatan justifikasi yang diberikan dalam kes-kes pengguguran sebegini masih memerlukan pengamatan dan penelitian terhadap bentuk-bentuk pengguguran yang dilakukan dewasa ini. Penilaian sama ada pengguguran yang dilakukan menepati kehendak syarak sebagai pembunuhan dengan hak atau tidak terletak kepada syarat-syarat dan terma-terma yang mana sesuatu pengguguran dilakukan. Kerana seseorang ibu, bapa atau doktor yang melakukan pengguguran itu sendiri sebenarnya melakukannya dengan alasan yang tertentu.

Bagaimanapun, yang menjadi perbincangan di sini, ialah pengguguran yang dilakukan terhadap janin yang dikaitkan dengan ancaman janin itu terhadap nyawa ibu yang mengandungkannya atau dalam istilah perubatannya dikenali sebagai pengguguran terapeutik. Justifikasi yang dibuat ini juga masih dalam

ruang lingkup fiqh kerana perbahasan ini ingin melihat aspek pengguguran kandungan adakah ia boleh dianggap sebagai suatu bentuk pembunuhan dengan hak yang diharuskan oleh syarak atau adakah terdapat syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi barulah ia boleh diklasifikasikan sebagai pembunuhan dengan hak yang diharuskan oleh Islam sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

5.2 Keharusan Pengguguran Berdasarkan *Maslahah*

Islam mengharuskan sesuatu perbuatan asalkan tidak terkeluar dari ruang lingkup *maslahah* yang diperakui, iaitu kebaikan yang diiktiraf oleh syarak, serta terdapatnya dalil-dalil – sama ada dari al-Quran mahupun hadith Rasulullah s.a.w.¹ Bagaimanapun, adakah kita boleh mengklasifikasikan tindakan menggugurkan kandungan yang mengancam nyawa ibu sebagaimana yang diharuskan oleh sesetengah fuqaha sebagai suatu perkara yang boleh diklasifikasikan sebagai *maslahah* diiktiraf oleh Syarak?

Bagi menjawab persoalan ini, kita perlu melihat tindakan pengguguran sebagai salah satu kaedah memelihara salah satu dari objektif syarak yang lima iaitu: (a) Memelihara agama; (b) Memelihara jiwa; (c) Memelihara fikiran; (d) Memelihara maruah; dan (e) Memelihara harta benda.²

Dalam kes pengguguran kandungan terapeutik, seseorang ibu diharuskan untuk menggugurkan kandungannya kerana nyawanya diancam bahaya Sungguhpun bahaya tersebut bukan datang dari janin yang dikandungnya, tetapi pengekalan janin di dalam kandungannya menyebabkan nyawanya dalam bahaya.

Berdasarkan objektif untuk memelihara nyawa, maka pengguguran terapeutik adalah diharuskan.

Bagaimanapun, alasan menggugurkan kandungan kerana untuk mempertahankan diri dari pencerobohan tidak boleh diterima. Ini kerana, janin masih belum mempunyai *irādah* dan kehadirannya di dalam rahim ibunya tidak sekali-kali untuk mengancam nyawa ibunya sendiri. Bahkan, tindakan menggugurkan kandungan ini dilihat menepati konsep *maslahah*.

Menurut al-Syāṭibī, *maslahah* adalah suatu perkara yang sama ada bertujuan untuk memelihara nyawa manusia, penyempurnaan kualiti kehidupan seseorang, atau yang berkaitan dengan jaminan yang berkenaan dengan kualiti emosi dan intelektual yang telah dijamin bagi seseorang manusia.³

Al-Syāṭibiy meletakkan lapan asas bagi tujuan memelihara jiwa, iaitu: (a) Haram melakukan pencerobohan; (b) Menyekat perkara-perkara yang dapat membawa kepada berlakunya pembunuhan; (c) Pensyariatan hukuman *qisāṣ*; (d) Keperluan untuk mengemukakan keterangan dalam kes-kes pembunuhan; (e) Pemeliharaan jiwa; (f) Penangguhan sesuatu hukuman bunuh yang dijatuhi ke atas seseorang apabila dikhawatir boleh menyebabkan berlaku pembunuhan terhadap jiwa yang lain; (g) Pengampunan terhadap hukuman *qisāṣ*; dan (h) Pengharusan perkara-perkara yang diharamkan.⁴

Pendapat yang dikemukakan oleh al-Syāṭibī ini boleh diterima pakai bagi tujuan pemeliharaan nyawa seseorang. Berdasarkan asas kedua yang dikemukakan

oleh al-Syātibiy di atas, pengguguran terapeutik harus dilakukan kerana ia boleh menyekat pembunuhan dari berlaku.

5.3 Justifikasi Terhadap Hukum Pengguguran

Bagi membuat justifikasi terhadap hukum menggugurkan kandungan ini, kita perlu melihat kepada pembatasan para fuqaha terhadap apakah hakikat sebenar janin yang belum ditiupkan roh serta bilakah bermulanya sesuatu janin dianggap sebagai telah sempurna sebagai seorang manusia biasa yang mempunyai hak-hak sebagaimana yang terdapat pada seseorang manusia.

Melihat kepada pendapat yang mengkategorikan usia janin kepada dua peringkat, iaitu: (a) peringkat usia sebelum ditiupkan roh; dan (b) peringkat usia selepas roh ditiupkan. Menurut pendapat ini, sesuatu perbuatan jenayah hanya boleh dikatakan sebagai telah berlaku sekiranya tindakan membunuh dilakukan terhadap manusia yang bernyawa, yang bagi janin yang belum ditiupkan roh belum boleh diklasifikasikan sebagai seorang manusia yang bernyawa.

Oleh itu, bagi pengguguran yang dilakukan terhadap janin dalam peringkat janin tersebut belum mempunyai nyawa bagi menyelamatkan nyawa ibunya, maka tindakan pengguguran tersebut tidak boleh diklasifikasikan sebagai pembunuhan terhadap manusia, sebaliknya adalah suatu tindakan merosakkan sesuatu yang berpotensi untuk menjadi seorang manusia mengikut pendapat yang mengatakan demikian.

Merujuk kepada pendapat yang mengatakan bahawa tindakan menggugurkan sebagai tindakan merosakkan dan bukannya pembunuhan, maka hukum merosakkan itu sendiri pula sebenarnya berbeza mengikut keadaan sesuatu yang hendak dirosakkan yang dalam ini merujuk kepada janin.⁵ Terdapat dua hukum bagi tindakan merosakkan sesuatu sebagaimana berikut:

- (a) Tindakan merosakkan dianggap sebagai wajib dalam beberapa keadaan berikut; iaitu sekiranya sesuatu yang hendak dirosakkan tersebut haram digunakan; atau ia mendatangkan kemudaratan; atau kemudaratan yang terdapat padanya lebih besar dari faedah yang dapat diperolehi darinya⁶; atau membunuh haiwan-haiwan perosak yang memusnahkan sesuatu atau hidupan⁷; dan sebagainya.
- (b) Tindakan merosakkan dikategorikan sebagai sesuatu yang haram sekiranya sesuatu yang hendak dirosakkan tersebut mempunyai faedah; atau faedah yang boleh didapati lebih besar berbanding kemudaratan yang terdapat padanya. Dalam kategori kedua ini, seseorang Islam diharamkan untuk merosakkan mana-mana anggota badannya tanpa justifikasi yang munasabah, atau ia bertindak memusnahkan harta-benda yang dimilikinya, atau ia bertindak menjadikan sesuatu yang pada asalnya baik menjadi rosak yang dilakukan tanpa justifikasi yang munasabah. Seseorang Islam juga diharamkan untuk bertindak membunuh haiwan peliharaannya, atau merosakkan makanan atau pakaian yang dipakainya jika tindakan merosakkannya itu dilakukan tanpa pertimbangan yang berasaskan kepada keperluan atau *al-darūrah*.⁸

Sehubungan itu, tindakan menggugurkan kandungan bukan untuk menyelamatkan nyawa ibu tetapi tujuan lain yang diharamkan tetap haram. Sesungguhnya golongan yang mengharuskan tindakan menggugurkan kandungan tanpa alasan yang munasabah pada peringkat janin belum ditiupkan roh tidak menyandarkan hujah pengharusan mereka kepada suatu dalil yang kukuh.

Sebagaimana yang telah diungkapkan sebelum ini bahawa sebahagian mereka ada yang menyifatkan janin yang belum ditiupkan roh tidak boleh dianggap sebagai manusia.

Berpegang kepada pandangan di atas, ada betulnya, tetapi ia tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengharuskan tindakan yang haram. Kerana haramnya merosakkan tidak terhad hanya kepada manusia semata-mata, bahkan pengharaman ini turut meliputi segala sesuatu yang mendatangkan faedah kepada manusia dan segala sesuatu yang mana faedahnya lebih besar berbanding kemudaratan yang terdapat padanya sebagaimana yang telah diungkapkan sebelum ini.

Pandangan fuqaha mazhab Hanbaliy bahawa harus menggugurkan kandungan sebelum tempoh empat puluh hari menunjukkan bahawa mereka beranggapan bahawa janin belum lengkap pembentukannya pada peringkat ini dan mereka juga beranggapan bahawa janin hanya sempurna pembentukannya selepas empat puluh hari yang dinyatakan ini.

Pandangan ini berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w. yang menyatakan bahawa rupa bentuk janin hanya berlaku selepas tempoh empat puluh hari ini. Tetapi pendapat yang mereka nyatakan itu sebenarnya tidak menunjukkan apa-apa hukum bahawa harusnya melakukan pengguguran kerana telah terbukti secara saintifik bahawa pembentukan janin sebenarnya telah bermula sebelum tempoh ini lagi.⁹

Hadith tentang pembentukan janin sebenarnya tidak menghadkan bilakah sesuatu janin mula berkembang, sekalipun ia menyatakan tentang pembentukan sesuatu janin. Ketiadaan rupa bentuk dan pembentukan anggota janin tidak boleh dikatakan bahawa janin itu belum berkembang, tidak dari aspek linguistik, Syarak maupun sains perubatan.

Jadi, seharusnya persoalan ini dirujuk kembali kepada hukum asal berkenaan tindakan merosakkan sesuatu yang telah disebutkan sebelum ini. Al-Syawkāniy berpendapat:

"Syarak telah memberikan suatu penghormatan kepada janin dari saat pembentukannya (di dalam rahim ibunya lagi) dalam beberapa hukum yang telah disyariatkan, yang paling utamanya (ialah Syarak) telah mewajibkan (seseorang untuk) menangguhkan hukuman hudud ke atas (wanita) mengandung sehingga ia melahirkan kandungannya, walau dalam peringkat manapun janin (yang dikandungnya), (ini) ditunjukkan oleh hadith-hadith sahih yang diriwayatkan oleh Muslim dan yang lainnya".¹⁰

Justifikasi yang diletakkan oleh Syarak terhadap janin yang belum ditiupkan roh sebagai janin yang belum boleh disifatkan sebagai seorang manusia memberikan implikasi yang kurang sedikit terhadap aspek pemeliharaan

berbanding dengan aspek pemeliharaan yang diberikan kepada janin yang telah mempunyai roh. Hal inilah yang menyebabkan wujudnya perbezaan dalam penentuan hukum pengguguran terhadap janin. Perbezaan sebegini sebenarnya adalah untuk memperketatkan lagi hukum pengguguran yang dilakukan yang dibuat atas prinsip keuzuran dan keperluan.¹¹

Pengguguran yang dilakukan kerana justifikasi keuzuran dan keperluan ini hendaklah dilakukan dengan syarat-syarat berikut:

- (a) Sesuatu janin yang mempunyai roh haram digugurkan sama sekali dalam mana-mana aspek keuzuran kecuali satu aspek sahaja iaitu ia adalah satu-satunya langkah untuk menyelamatkan nyawa ibunya. Justifikasi sebegini pula hendaklah diputuskan oleh beberapa orang ahli perubatan yang adil yang menyatakan bahawa tindakan mengekalkan janin di dalam rahim ibunya akan menyebabkan nyawanya terancam.
- (b) Pengguguran janin yang belum ditiupkan roh pula adalah diharuskan apabila dilakukan kerana sebab yang munasabah dan keperluan yang sah di sisi Syarak. Dari perspektif Syarak, faedah yang paling penting dalam penentuan saat sesuatu janin dikategorikan sebagai seorang manusia biasa ialah untuk memberi ruang kepada manusia dalam menghadapi pelbagai kesulitan, sama ada kesulitan tersebut merupakan ancaman terhadap nyawa janin itu sendiri atau kesulitan yang mengancam nyawa ibunya.

Tempoh ditiupkan roh yang telah diperlambatkan oleh Allah s.w.t. sehingga empat bulan dari saat pembentukan janin di dalam rahim ibunya pasti mengandungi hikmatnya yang tersendiri. Allah s.w.t. telah mewahyukan kepada baginda Rasulullah s.a.w. untuk memberitahu perkara ini kepada umatnya adalah untuk diambil pengiktiran dan dimanfaatkan sebaik mungkin.

Sesungguhnya Allah s.w.t. tidak menetapkan sesuatu perkara terhadap umatnya kecuali perkara tersebut pasti mempunyai manfaat dalam kehidupan kita di dunia dan di akhirat. Pemerhatian kita dalam persoalan ini adalah suatu yang berharga untuk dimanfaatkan dalam membuat justifikasi terhadap kes-kes pengguguran kandungan.

Golongan yang ingin menjustifikasikan sebagai haram menggugurkan kandungan dalam kedua-dua peringkat janin – iaitu sebelum dan sesudah roh ditiupkan kepada janin – sebenarnya telah tidak melihat kepada keseluruhan aspek atau objektiviti nas-nas yang ada serta tidak melihat pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh para sahabat dan fuqaha tentangnya.

Golongan ini sama seperti menyamaratakan dosa di antara orang yang mencium seseorang perempuan dengan mereka yang melakukan zina dengannya. Pendapat sebegini adalah keterlaluan berbanding pendapat yang mengharuskan pengguguran secara mutlak walaupun tanpa keuzuran – yang dilihat sebagai mereka yang mahu mengamalkan nas yang ada, sekalipun terlebih dari batasan yang telah ditetapkan.

Sementara golongan yang mengharamkan segala bentuk pengguguran dalam kedua-dua peringkat janin sebagaimana di atas, dilihat sebagai telah meninggalkan nas-nas dan melupakan pendalilan yang telah dilakukan terhadapnya yang untuk menghormati perkara-perkara ghaib yang menghalang dibicarakan persoalan berkaitan roh. Persoalan ini bagaimanapun telah terjawab melalui penerangan yang telah dikemukakan sebelum ini berdasarkan pendapat yang telah diutarakan oleh para fuqaha.

Islam tidak bermatlamat untuk menghalang umatnya dalam mencari sesuatu dan mendapatkan penghuraian yang lebih jelas terhadap sesuatu yang berada dalam ruang lingkup perkara-perkara ghaib sekiranya tidak terdapat dalil yang kukuh tentangnya. Sebenarnya tidak salah untuk cuba menghuraikan sesuatu yang terdapat dalam ruang lingkup perkara-perkara ghaib sekalipun asalkan ia tidak menyalahi kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh Syarak.

Berhubung masalah harusnya melakukan pengguguran terhadap janin yang belum mempunyai roh kerana keuzuran yang dibenarkan oleh Syarak, maka ini memerlukan suatu peraturan yang jelas. Ini untuk mengelakkan dari timbulnya pelbagai masalah.

Bagi memastikan perkara ini tidak berlaku, maka pengguguran terapeutik perlu hanya dilakukan di hospital-hospital yang dikhaskan sahaja. Ia pula hanya boleh dilakukan oleh mereka yang mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam bidang sebegini sahaja. Di samping itu, pengguguran terapeutik yang bakal dilakukan juga perlulah dirujuk kepada suatu panel khas. Panel khas ini boleh

dipilih dari kalangan doktor muslim yang adil dan pakar di bidang fiqh yang tertentu seperti jenayah dan objektif-objektif Syarak bagi menentukan kesahan sesuatu keuzuran yang dilihat dari perspektif perubatan, kesihatan dan syarak itu sendiri bagi membolehkan sesuatu pengguguran dilakukan.¹²

Tindakan menggugurkan kandungan adalah suatu jenayah walaupun pengguguran yang dilakukan adalah diklasifikasikan sebagai perbuatan merosakkan sesuatu sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini. Ini dapat dilihat dari ungkapan Muhammad Na'īm Yāsīn:

"Dan peringkat pertama kewujudan (janin) ialah ia membentuk (sebagai) nutfah di dalam rahim dan ia akan bercampur dengan air (iaitu ovum) perempuan, dan ia akan bersedia untuk menerima kehidupan (roh atau nyawa). (Jadi tindakan) merosakkan (nutfah) itu adalah suatu jenayah, maka jika nutfah (itu) telah (berubah) menjadi 'alaqah maka jenayah (pengguguran yang dilakukan ke atasnya adalah) lebih besar (afhasy). Dan jika telah ditutupkan roh padanya (iaitu 'alaqah) dan telah sempurna pembentukan (sebagai suatu) makhluk maka akan bertambahlah jenayah (terhadap pengguguran yang dilakukan), dan kemuncak dosa (al-tasāḥūṣy) terhadap jenayah (yang dilakukan) ialah apabila (bayi atau janin yang dibunuh) selepas ia dilahirkan".¹³

Ditinjau dari aspek keperluan, persoalan menggugurkan kandungan yang mempunyai risiko yang boleh menyebabkan kematian ibunya jika tidak digugurkan adalah wajar untuk diberikan perhatian.

Ismā'il Kūksāl berpendapat, pengguguran terapeutik harus dilakukan jika dapat disahkan bahawa janin tersebut benar-benar merupakan ancaman terhadap nyawa ibunya. Keharusan ini hendaklah diperkuat dengan kaedah yang dapat diyakini seperti penggunaan teknologi moden.

Tanpa menghadkan usia janin untuk dilakukan pengguguran tersebut, beliau memetik suatu maxim fiqh yang membolehkan untuk melakukan salah satu yang paling ringan di antara dua kemudaran bagi alasan keharusan melakukan pengguguran.¹⁴ Alasan lain yang diberikan oleh beliau ialah:

*“...sekiranya tindakan mengekalkan janin di dalam rahim ibunya akan menyebabkan kematian ibunya, dan tidak ada jalan atau kaedah lain untuk menyelamatkan nyawa ibunya kecuali dengan menggugurkan janin tersebut, maka menggugurnannya adalah satu-satunya cara (*muta’ayyin*) dan kita tidak boleh untuk mengorbankan nyawa ibunya untuk menyelamatkan janin tersebut kerana ibunya adalah asas (*al-asl*) kepada janin itu sendiri. (Di samping itu) ibunya telah kekal hidup dan beliau mempunyai peluang yang tersendiri dalam hidupnya, (selain itu) beliau juga mempunyai hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab (yang perlu ditunaikan). Beliau (juga) adalah tunjang kepada keluarga (*imād al-usrah*). Jadi adalah tidak masuk akal untuk kita mengorbankannya demi untuk menyelamatkan nyawa janin yang belum tetap hidupnya, ia juga belum mempunyai suatu apapun dari hak-hak dan kewajipan-kewajipan... ”¹⁵*

Berdasarkan perbincangan di atas, kita boleh membuat satu keputusan iaitu untuk memutuskan sama ada harus atau tidaknya melakukan pengguguran dalam apa jua tahap usia janin, adalah suatu perkara yang harus sekiranya nyawa ibu itu memang pasti berada dalam keadaan bahaya yang sekiranya janin tersebut tidak digugurkan, ibunya akan kehilangan nyawanya.

Pada zaman moden yang serba canggih peralatan dan teknologinya ini, pakar-pakar Obstetrik dan Ginekologi dapat menentukan sama ada seseorang ibu itu wajar untuk meneruskan kehamilannya atau tidak dengan melihat kepada keadaan kesihatan janin di dalam kandungan dan ibunya sendiri sepanjang tempoh kehamilan.

Huraian lanjut berkaitan kehamilan berisiko tinggi dapat dirujuk dalam helaian-helaian Lampiran yang dikembarkan bersama kajian ini. Selain itu, suatu fatwa yang telah dikeluarkan oleh *Majlis Majma' al-Fiqh al-Islāmiy Li al-Rābiyah* yang membincangkan tentang pengguguran janin yang belum mencapai usia empat bulan juga perlu diambil kira. Mereka telah membuat justifikasi sebagaimana berikut:

“Apabila telah sabit dan dipastikan dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Perubatan yang terdiri dari doktor yang mempunyai kepakaran yang diyakini, dan berdasarkan kepada pemeriksaan perubatan menggunakan peralatan dan kelengkapan yang dapat memberitahu keadaan janin bahawa ia berada dalam situasi yang kritikal yang berbahaya yang tidak lagi boleh dirawat, dan sekiranya ia kekal dan dilahirkan dalam tempoh yang ditetapkan maka hidupnya akan musnah dan menyakitkan kepada diri dan keluarganya, maka pada ketika ini haruslah menggugurnannya berdasarkan permintaan dari kedua ibu bapanya...”¹⁶

Dalam menjustifikasi sama ada untuk menggugurkan atau tidak sesuatu janin, maka adalah bukan menjadi persoalan sama ada janin tersebut adalah hasil dari perkahwinan yang sah atau terbentuk dari persetubuhan haram. Ini jelas dari peristiwa seorang perempuan yang telah datang berjumpa Rasulullah s.a.w. menyatakan tentang kehamilannya yang berlaku akibat penzinaan, lalu baginda Rasulullah s.a.w. telah memerintahkannya agar menunggu sehingga ia lahir barulah dijatuhi hukuman ke atas perempuan tersebut.¹⁷

5.4 Cadangan

Pengguguran terapeutik adalah perbuatan menggugurkan kandungan yang mempunyai implikasi hukum yang tertentu. Bagi menjustifikasi pengguguran

terapeutik sebagai salah satu dari tindakan menamatkan nyawa yang diharuskan di dalam Islam, ia memerlukan gabungan kepakaran di antara ahli Obstetrik dan Ginekologi serta para fuqaha kontemporari itu sendiri. Ini kerana, terdapat pelbagai jenis penyakit yang menimpa seseorang ibu yang boleh memberikan kesan kepada tahap kesihatan janin di dalam kandungannya.

Keharusan pengguguran terapeutik yang dijalankan untuk memelihara nyawa dan kesihatan mental ibu, maka satu garis panduan yang jelas perlu dibuat. Ini adalah bagi mengelakkan keharusan ini disalahgunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Untuk memutuskan sama ada wajar atau tidaknya sesuatu tindakan pengguguran terapeutik dilakukan, adalah perlu untuk menjelaskan garis panduan yang perlu diikuti sebelum sesuatu tindakan menamatkan kehamilan dilakukan. Persoalan sebegini wajar diberikan penekanan kerana ia melibatkan persoalan dosa dan pahala selain turut melibatkan persoalan nyawa yang merupakan salah satu dari lima asas yang dikenali sebagai *maqaṣid al-syārī'ah*.

Penentuan sama ada tindakan menggugurkan kandungan tidak dapat dielakkan untuk menyelamatkan nyawa ibu dan menjamin kesihatan mentalnya terus terpelihara, maka ahli Obstetrik dan Ginekologi dan para fuqaha kontemporari perlu bekerjasama dalam menilai dan melihat kes-kes yang mungkin timbul bagi dilakukan pengguguran terapeutik.

Dalam memutuskan keharusan pengguguran terapeutik, para fuqaha perlu melihat dari segenap aspek seperti *maṣlahah*, adakah benar tiada jalan lain selain menamatkan nyawa janin tersebut demi menyelamatkan nyawa ibunya, atau adakah terdapat kaedah rawatan alternatif yang terdapat yang boleh diaplikasikan bagi menyelamatkan nyawa kedua-dua janin dan ibunya.

Sekalipun Islam mengklasifikasikan pengguguran terapeutik sebagai salah satu bentuk pembunuhan dengan hak, sewajarnya usaha untuk melakukan pengguguran terapeutik ini tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Untuk melaksanakan pengguguran terapeutik ini memerlukan pengawasan dan penelitian yang rapi dan cermat.

Selain itu, usaha penyelidikan dalam mengenalpasti usaha-usaha pemulihan terhadap penyakit-penyakit yang boleh mengancam nyawa janin dan ibunya perlulah dipergiatkan. Ini bagi mengelakkan lebih banyak janin yang terpaksa digugurkan atas alasan terapeutik.

Di negara ini, tidak kedapatan data tentang pengguguran terapeutik yang pernah dijalankan. Tanggapan masyarakat yang melihat bahawa usaha menamatkan nyawa janin sekalipun ia mengancam nyawa ibunya adalah satu dosa menyebabkan perkara ini terjadi. Bagaimanapun, hal ini tidaklah menjadi suatu yang menghairankan kerana Islam itu sendiri adalah suatu agama untuk meletakkan nyawa sebagai suatu perkara yang penting untuk diberikan perlindungan.

Ahli Obstetrik dan Ginekologi yang terlibat secara langsung dalam persoalan pengguguran ini juga perlu mempunyai dan menyediakan suatu garis panduan untuk diikuti di dalam melaksanakan proses pengguguran terapeutik. Selain itu, penyelidikan dan kajian yang lebih pesat perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti kaedah-kaedah yang boleh diberikan kepada pesakit, baik ibu atau janin itu sendiri.

Pemantauan dan pengawasan perlu sentiasa dilakukan oleh pihak yang berkuasa agar tindakan menggugurkan kandungan secara haram tidak berlaku. Ini kerana pengguguran terapeutik boleh dilakukan sekiranya benar janin tersebut boleh mengancam nyawa ibunya.

NOTA HUJUNG

- 1 Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ġazzālī (tt.), *al-Muṣṭaqīf Min ‘Ilm al-Uṣūl*, Mesir: Maktabah al-Jundiy, ms. 250; lihat juga: Abū Ishaq Ibrāhīm bin Mūsā al-Syātibī (1402H), *al-Itiqād*, Beirut: Dār al-Ma’rifah, J 2, ms. 113; lihat juga: Muḥammad Khalid Masud (2000), *Shāfi’i’s Philosophy of Islamic Law*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, ms. 139
- 2 Dr. Muḥammad Sa’d bin Aḥmad bin Maṣ’ūd al-Yūbiy (1998), *Maqāṣid al-Syar’ah al-İslāmiyyah Wa ‘Alāqatuhā Bi al-Adillah al-Syar’iyah*, Riyad: Dār al-Hijrah Li al-Nasr Wa al-Ta’zi, ms. 192 hingga 304; lihat juga: Abū Yāhiyah Zakariyyā al-Anṣāri (tt.), *Għayah al-Wuġġil Syar’ah Lubb al-Uṣūl*, Mesir: Maṭba’ah ‘Isā al-Bābī al-Ḩalabī Wa Syarikah, ms. 124; lihat juga: al-‘Allāmah Ibn Amīr al-Ḥajj (1403H), *al-Taqrīr Wa al-Tahrīr*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Cet. 2, J 3, ms. 144
- 3 Muḥammad Khalid Masud, *Op. Cit.*, ms. 151; lihat juga: Abū Ishaq Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmiy al-Ġarnatiy (tt.), *al-Muwāfiqat Fi Uṣūl al-Syar’ah*, Kaherah: Maṭba’ah Muṣṭafā Muḥammad, J 2, ms. 25 – melihat kepada pendefinisan yang diberikan oleh al-Syātibī ini, Muḥammad Khalid Masud berpendapat bahawa *målħah* boleh dilihat sebagai suatu sistem yang mempunyai kepelbagaiaan gred hubungan yang saling boleh dimengertikan di antara satu sama lain. Menurutnya lagi, elemen yang signifikan dalam pengertian *målħah* yang yang telah dikemukakan oleh al-Syātibī ini ialah ia bersifat penjagaan kepada kepentingan-kepentingan. Menurutnya, al-Syātibī telah memperincikan bahawa Syariat Islam begitu memelihara *målħah* sama ada dalam aspek positif (iaitu dalam usaha untuk memelihara kepentingan-kepentingan seseorang Syarak telah meletakkan beberapa peraturan untuk memantapkan asas yang telah ditetapkan kepadanya) atau dalam aspek pencegahan (iaitu dalam usaha mencegah kepupusan kepentingan-kepentingan yang ada pada seseorang manusia, Syarak telah meletakkan beberapa peraturan untuk menghapuskan elemen-elemen yang boleh merosakkan kepentingan-kepentingan seseorang sama ada secara pasti atau tidak); rujuk: Muḥammad Khalid Masud, *Op. Cit.*, ms. 151, 156 dan 158
- 4 Abū Ishaq Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmiy al-Ġarnatiy (tt.), *al-Muwāfiqat Fi Uṣūl al-Syar’ah*, Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, J 4, ms. 27
- 5 Dr. Muḥammad Na’im Yāsin, *Ibid.*, ms. 221
- 6 Seperti merosakkan arak dan berhalus
- 7 Iaitu haiwan yang berbahaya dan tidak mendatangkan faedah kepada manusia
- 8 Lihat di dalam: Dr. Muḥammad Na’im Yāsin, *Op. Cit.*, ms. 221
- 9 Pengkajian berkaitan janin (*embryology*) menunjukkan bahawa apabila sesuatu sperma yang terhasil dari pancutan mani dari zakar seseorang lelaki ke dalam vagina seseorang perempuan, ia akan bergerak menerusi dinding rahim (*cervix*) ke tiub Fallopian. Penggabungan di antara sperma dan ovum yang diistilahkan sebagai *conception* biasanya berlaku di tiub Fallopian luar yang ketiga. Sperma tunggal akan memecahkan (*penetrate*) dinding sel telur ibu (*ovum*) dan janin yang terbentuk mendapat separuh dari maklumat keturunannya (*genetic information*) dalam bentuk DNA dari ibunya yang terdapat dalam sel telur tersebut serta separuh lagi ayahnya yang didapat dari sel sperma. Sel tunggal yang terbentuk ini dikenali sebagai *zygote*. *Zygote* ini menghabiskan beberapa hari kemudiannya turun merentasi tiub Fallopian dan membahagi (*divide*) untuk membentuk sel-sel yang saling melekat (*attached*) di antara satu sama lain. Kemudian satu bebola sel akan terbentuk, yang termasuk pada setiap sel ialah salinan (*copy*) dari gen-gen (*genes*) yang akan memandu (*guide*) pertumbuhan janin tersebut seterusnya. Apabila sel tersebut telah membahagi sehingga mencapai 32 sel, maka janin tersebut dikenali sebagai *morula*. Dengan tambahan pecahan sel (*cell division*), *morula* ini akan menjadi suatu lapisan sel-sel (*outer shell of cells*) dengan satu kumpulan sel-sel dalaman yang melekat (*an attached inner group of cells*). Pada peringkat ini, janin tersebut berada pada suatu peringkat yang dikenali sebagai *blastocyst*. Kumpulan sel-sel luaran pula akan menjadi lapisan-lapisan luar (*membranes*) yang akan membekalkan makanan (*nourish*) dan mengawal kumpulan sel-sel dalaman tadi, yang akhirnya akan menjadi *embryo* (iaitu peringkat seterusnya bagi janin yang sempurna sebagai seorang manusia). *Blastocyst* akan tiba (*reach*) pada rahim (*uterus*) pada hari kelima, dan ia akan melekat (*implant*) pada dinding rahim (*uterine wall*) pada hari keenam. Pada peringkat ini di antara melekatnya *blastocyst* dan minggu kelapan, sel-sel yang digelar sebagai *embryo* tidak hanya berganda (*multiply*), tetapi telah menjalankan fungsi yang tertentu (*specific functions*). Proses ini dikenali sebagai pemembedaan

-
- (differentiation) dan ia penting untuk menghasilkan pelbagai jenis sel yang membentuk seorang manusia seperti sel-sel darah, buah pinggang, saraf dan lain-lain); Untuk huraian lanjut: laman web <http://www.nlm.nih.gov/medlineplus/ency/article/002398.htm>
- 10 Muhammad bin 'Ali al-Syawkāniy (tl.), *Nayl al-Aṣyār Bi Syarh Muntahā al-Akhbār Min Aḥḍātī Sayyid al-Akhyār Li Ibn Taimiyah*, Mesir: Syirkah Maktabah Wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Aulādīh, J 7, ms. 280
- 11 *Ibid.*
- 12 Dr. Muhammad Na'im Yāsīn, (2000), *Abhāth Fiqhīyah FT Qadāyād Tibbīyah Mu'dqarāh*, Cet. 3, Ammān: Dār al-Nafā'iis, ms. 222 dan 223
- 13 Dr. Muhammad Na'im Yāsīn (1989), *Aḥkām al-Ijhād*, Kuwait: Majallah al-Syarī'ah Wa al-Dirasāt al-Islāmiyyah, ms. 248, 262 dan 265
- 14 Dr. Ismā'il Kūksāl (2000), *Taghayyur al-Ahkām FT al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, ms. 235 dan 236; rujuk juga: 'Aliy Ahmad al-Nadawiy (1986), *al-Qaw'id al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dār al-Qalam, ms. 276 hingga 350
- 15 Dr. Ismā'il Kūksāl, *Ibid.*, ms. 236
- 16 Rujuk: Perisytiharan *Majlis Majma' al-Fiqh al-Islāmiy Li al-Rābiyat* pada keputusannya yang bernombor: 10-11-12-13 ms. 123 sebagaimana yang terdapat di dalam: Dr. Ismā'il Kūksāl, *Ibid.*, ms. 237
- 17 Abū Bakr Ahmad bin al-Husayn bin 'Ali al-Bayhaqī (1354H), *al-Sunan al-Kubrā*, Hyderabad: Maṭba'ah Majlis Dā'irah al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, ms. 127